

# Masyarakat perlu diperjelas hak, had pertahanan diri

Satu garis panduan yang lebih jelas mengenai isu 'self defence' atau 'pertahanan diri' perlu dikeluarkan oleh pihak berkuasa terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Majlis Peguam serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan supaya orang ramai dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai maksud pertahanan diri.

Aspek paling utama perkara ini ialah had yang diberikan melalui peruntukan undang-undang sedia ada dalam negara kita mengenai persoalan pertahanan diri.

Isu pertahanan diri menjadi perbualan hangat dalam negara kita selepas insiden yang membabitkan seorang lelaki yang dikenali sebagai Zulkifli yang didakwa di bawah Kanun Keseksaan kerana membunuh gara-gara menikam seorang perompak sehingga mati di rumahnya sendiri di Kertih, Terengganu.

Zulkifli pada mulanya diasasat mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan kerana membunuh tanpa niat tetapi ditukar kepada Seksyen 302 dan ditambah dengan Seksyen 326 kerana kesalahan membunuh. Kisah terbabit mendapat perhatian warga netizen di media sosial yang rata-rata meluahkan rasa simpati dengan nasibnya itu serta pada masa sama menuntut agar beliau dibela.

## Isu penahanan Zulkifli

Tidak kurang juga ramai kini mempertikaikan penahannya itu susulan Zulkifli didakwa hanya mempertahankan keselamatan keluarganya daripada perompak yang menceroboh rumahnya. Isu terbabit perlu mendapat perhatian serius daripada pihak berkuasa kerana umumnya masyarakat sekeliling ingin serta perlu tahu dengan lebih jelas mengenai tahap pertahanan diri yang dibenarkan menurut undang-undang sedia ada.

Suatu garis panduan yang lebih jelas perlu dihasilkan dengan segera bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu pertahanan diri serta had yang perlu diikuti ketika ingin mempertahankan diri daripada sebarang ancaman terhadap nyawa, keluarga serta harta benda mereka daripada penjenayah.

Hak untuk seseorang

mempertahankan diri memang wujud dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) melalui peruntukan Seksyen 96 hingga 106 Akta 574 terbabit. Jika sesuatu perbuatan itu dibuat dengan niat jelas untuk mempertahankan diri, seseorang itu dapat melepaskan diri mereka dari kesalahan yang dilakukan seperti yang dinyatakan melalui Seksyen 96.

Ia menyatakan: "Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian."

Namun, Seksyen 99 Akta 574 ada memperuntukkan had terhadap hak pertahanan persendirian melalui subseksyennya seperti yang dinyatakan melalui Subseksyen (1).

Ia menyatakan: "Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dalam hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam" serta Subseksyen (4) - "Hak pertahanan persendirian tidaklah sekali-kali termasuk mengenai kerosakan yang lebih daripada yang perlu dikenakan bagi maksud pertahanan".

Berdasarkan peruntukan yang diberikan melalui Kanun Keseksaan terbabit, memang jelas wujud had atau batasan terhadap tindakan mempertahankan diri yang boleh diambil oleh mana-mana pihak dalam negara ini.

Namun, perkara terbabit hanya diketahui oleh sege-lintir masyarakat terutama pihak berkuasa serta pengamal undang-undang. Kebanyakan orang awam dalam negara kita tidak tahu perkara terbabit kerana kurangnya aspek pendedahan mengenai isu terbabit.

Adalah disarankan, pihak yang berkaitan mengambil inisiatif dengan mengeluarkan satu garis panduan yang jelas supaya orang awam dapat meneliti isu terbabit dengan lebih terperinci.

Di samping itu, pihak yang berkaitan boleh melakukan siri perbincangan atau forum umum dengan masyarakat sekeliling supaya isu yang membabitkan pertahanan diri dapat difahami dengan jelas.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



**DR MUZAFFAR SYAH MALLOW**

rencanabh@bh.com.my